

Saifuddin gesa mahasiswa tamatkan demo, kerajaan perlu semak semula PTPTN
The Malaysian Insider
17 April , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 17 April — Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Seri Saifuddin Abdullah hari ini menggesa mahasiswa yang terlibat dalam demonstrasi menuntut pemansuhan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Dataran Merdeka menghentikan tindakan mereka dan kerajaan perlu menyemak semula skim berkenaan.

Saifuddin dalam satu kenyataan hari ini berkata, suara kumpulan mahasiswa itu sudah didengari kerajaan dan beliau menghormati tindakan mahasiswa mengadakan demonstrasi dan perhimpunan kerana itu merupakan sebahagian daripada demokrasi seperti terkandung dalam Akta Perhimpunan Aman 2011.

"Hak untuk berhimpun, berdemonstrasi adalah sebahagian daripada proses demokrasi," tegas Saifuddin. "Tindakan mereka itu adalah seperti yang termaktub dalam Akta Perhimpunan Aman 2011.

"Bagaimanapun, saya mengutuk tindakan mereka mengalungkan bunga malai kepada gambar Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dan Menteri Pengajian Tinggi (Datuk Seri Khaled Nordin).

Jelas Ahli Parlimen Temerloh ini lagi, pihaknya turut tidak bersetuju dengan tuntutan memansuhkan PTPTN yang dibuat kumpulan mahasiswa berkenaan, namun beliau menghormati tindakan mereka itu.

"Walaupun saya tidak bersetuju dengan tuntutan mereka (memansuhkan PTPTN), tapi saya hormati pendirian mereka," katanya lagi.

"Kerajaan perlu menyemak semula skim pinjaman berkenaan, seperti mana syor Sidang Meja Bulat Pemuda Umno tempoh hari."

Sehubungan itu, Saifuddin menuntut demonstrasi anjuran Solidariti Mahasiswa Malaysia (SMM) itu dihentikan bagi menghormati konsert diraja sempena pertabalan Yang Dipertuan Agong di Dataran Merdeka pada 21 April ini.

"Saya mendesak mahasiswa menghentikan demonstrasi mereka dan hormati pihak polis dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah menjalankan tugas dengan berkesan mengawal demonstrasi tersebut," tegasnya lagi.

Sekumpulan 300 mahasiswa telah berarak ke Dataran Merdeka dengan membawa gambar Najib dan Khaled dengan dikalungkan bunga malai sebagai simbolik meluahkan perasaan tidak puas hati mereka.

Tindakan mereka itu bagaimanapun menerima kritikan kerana dikatakan menghina pemimpin negara kerana kalungan bunga malai itu adalah budaya masyarakat Hindu untuk menunjukkan kematian, sedangkan kedua-dua pemimpin negara itu beragama Islam.

Ketika demonstrasi tersebut berlangsung, Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dan Chua Tian Chang, turut kelihatan bersama-sama kumpulan mahasiswa tersebut.

Kumpulan mahasiswa itu kemudiannya mendirikan khemah di kawasan dataran bersejarah dan merancang akan terus berkhemah di kawasan tumpuan pelancong itu sehingga Perhimpunan Bersih 3.0.

Walaupun semalam pihak DBKL telah merobohkan khemah yang didirikan kumpulan mahasiswa berkenaan, mereka masih lagi berkeras dan mendirikan semula khemah tersebut.

Mahasiswa berkenaan juga secara terbuka menyatakan sokongan mereka terhadap Perhimpunan Bersih 3.0 anjuran Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih), yang dipengerusikan oleh Datuk Ambiga Sreenivasan.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saifuddin-gesa-mahasiswa-tamatkan-demo-kerajaan-perlu-semak-semula-ptptn/>